



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 35 (27 OGOS – 02 SEPTEMBER 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,924 kes berbanding 2,349 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 425 kes (18.1%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-35 adalah sebanyak 80,201 kes berbanding 37,950 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 42,251 (111.3%). Manakala sejumlah 57 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 22 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sejumlah 83 lokaliti hotspot telah dilaporkan pada minggu ini berbanding 82 lokaliti pada minggu sebelumnya. Dari 83 lokaliti yang dilaporkan, 50 lokaliti di Selangor, 20 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Kelantan, tiga (3) lokaliti di Perak dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang dan Sabah.

Bagi surveilan chikungunya, tiga (3) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-35. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 163

kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 2,194 sampel darah dan 181 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Pelajar sekolah mula kembali ke sekolah masing-masing setelah tamatnya cuti pertengahan penggal persekolahan. Justeru, pengurusan sekolah serta syarikat yang mengambil kontrak pembersihan di sekolah perlu memastikan kawasan sekolah serta persekitaran luar sekolah bebas dari bekas berpotensi pembiakan nyamuk Aedes. Periksa saluran hujan (*gutter*) di bahagian bumbung bangunan dan pastikan tiada air bertakung. Lakukan sedikit pengubahsuaian pada hiasan kekal atau tidak kekal di dalam dan di luar premis sekolah agar tidak menampung air. Lupuskan barang lusuh atau tidak digunakan di tempat yang telah disediakan. Sebelum memulakan sesi persekolahan, disarankan melakukan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa, terutamanya di tempat gelap dan tersembunyi contohnya belakang langsir, belakang almari serta di bawah meja. Jadikan kawasan sekolah bebas dari ancaman demam denggi. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


**September 2023**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-35 dan ke-34 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-35), 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2023**